

# PBB iktiraf peranan Malaysia

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Tan Sri Muhyiddin Yassin berpeluang menyatakan pendirian Malaysia berhubung isu-isu berkaitan Myanmar dan Palestin kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres melalui panggilan telefon yang diterima, semalam.

Perdana Menteri dalam kenyataan berkata, kedua-dua pemimpin menyatakan kekesalan dan bimbang mengenai situasi keselamatan di Myanmar yang tidak menunjukkan perkembangan positif.

Dalam hal ini, Muhyiddin memaklumkan bahawa Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain mengadakan pertemuan pada April lalu bagi mencari jalan penyelesaian menangani krisis di Myanmar.

Perdana Menteri berpandangan bahawa PBB dan ASEAN boleh bekerjasama bagi mencari jalan penyelesaian me-



**MUHYIDDIN YASSIN**

nanangi krisis politik di negara itu, terutama melalui lima konsensus yang dicapai semasa Mesyuarat Pemimpin-pemimpin ASEAN tersebut.

“Malaysia juga telah memaklumkan bahawa pelantikan suatu Utusan Khas Pengerusi ASEAN sedang dimuktamadkan dalam usaha mencari jalan penyelesaian secara damai demi kepentingan rakyat Myanmar.

“Perdana Menteri dan Setiausaha Agung PBB juga bersetuju

supaya semua pihak yang terlibat harus terus bekerjasama secara konstruktif dengan tujuan memastikan kestabilan politik dan ekonomi di Myanmar,” katanya di sini semalam.

Berhubung situasi di Palestin pula, kedua-dua pemimpin turut menyatakan rasa dukacita atas keganasan yang dilakukan tentera Israel ke atas rakyat Palestin di Wilayah Palestin yang diduduki.

Katanya, Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya pencerobohan yang dilakukan tentera Israel ke atas rakyat Palestin yang sedang beribadah di Masjid Al-Aqsa pada 7 Mei lalu.

Dalam hal itu, Perdana Menteri menzahirkan rasa syukur dan mengalu-alukan gencatan senjata kedua-dua pihak, Israel dan pejuang Palestin di Gaza.

“Perdana Menteri menyatakan sokongan atas usaha PBB dan negara-negara yang terlibat supaya pihak yang bertelagah mematuhi gencatan senjata serta mencari jalan penyelesaian yang berkekalan bagi me-

namatkan konflik tersebut.

“Perdana Menteri dan Setiausaha Agung PBB sepakat menyatakan bahawa penderitaan yang dialami rakyat Palestin perlu dihentikan serta merta dan amat perlu mencari penyelesaian terbaik bagi memastikan keamanan berpanjangan untuk kedua-dua belah pihak.

“Atas dasar itu, Perdana Menteri menegaskan pendirian Malaysia yang konsisten bagi penubuhan (negara) Palestin yang bebas dan merdeka dari belenggu penjajahan Israel menerusi penyelesaian dua negara, berdasarkan sempadan pra-1967 dengan Baitul Maqdis sebagai ibu negara Palestin,” kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, sesi panggilan telefon tersebut yang dilakukan Antonio Guterres ke atas Perdana Menteri bagi membincangkan isu Myanmar dan Palestin jelas menunjukkan bahawa PBB mengiktiraf peranan penting Malaysia dalam isu tersebut di peringkat antarabangsa.